

30 AUG 1998

Mahathir-Konvoi

KONVOI PROTON BERJAYA CATAT SEJARAH MALAYSIA BOOK OF RECORDS

PULAU PINANG, 30 Ogos (Bernama) -- Acara konvoi "Pandu Proton Merdeka Jambatan Pulau Pinang" hari ini berjaya dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai konvoi terpanjang di negara ini dengan penyertaan 2,713 kereta jenis Proton.

Konvoi itu bermula di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang pada pukul 5.20 petang dan diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memandu kereta Proton Wira yang digunakan dalam Ekspedisi Kutub Utara awal tahun ini.

Pelepasan para peserta dilakukan oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang kemudiannya turut menyertai konvoi itu bersama isterinya, Puan Sri Chui Kah Peng.

Yang turut berada dalam kereta yang dipandu Perdana Menteri ialah Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Tan Sri Mohd Saleh Sulong dan Pengarah Urusan Edaran Otomobil Nasional Berhad Datuk Adzmi Abdul Wahab.

Kereta kedua dinaiki oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, isteri Mohd Saleh, Puan Sri Akmal Abdul Salam dan isteri Azmi, Datin Ramlah Hashim.

Kereta seterusnya dipandu oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan disertai isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Antara Menteri Kabinet yang turut serta ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Kereta yang terakhir dilepaskan di plaza itu ialah pada pukul 6.50 petang. Turut serta dalam konvoi itu ialah kanak-kanak dari Rumah Tunas Harapan Tengku Ampuan Rahimah Kuala Selangor.

Pihak penaja akan mengemukakan permohonan untuk mencatatkan kejayaan konvoi itu ke dalam Guinness Book of World Records secepat mungkin.

Sebelum konvoi itu dimulakan, satu lafaz ikrar dilakukan oleh para peserta yang melahirkan keyakinan bahawa rakyat Malaysia boleh menangani kegawatan ekonomi di bawah kepimpinan Perdana Menteri.

Konvoi itu diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-41 yang akan di sambut di negeri ini esok.

Setibanya di tempat penamat iaitu di Hotel Shangri-La di Georgetown, Saleh turut menyampaikan plak penghargaan kepada Perdana Menteri dan isteri serta Timbalan Perdana Menteri dan isterinya.

-- BERNAMA

AHM SA PR